

ADUN Bandar Hilir dakwa faktor lain jadi punca

Melaka: Kerajaan negeri menyifatkan kenyataan yang dibuat berhubung perubahan air Sungai Tuang di Pengkalan Balak, yang hitam hingga didakwa mengeluarkan bau kurang menyenangkan sebelum ini disebabkan faktor lain, yang dipercayai daripada sisa buangan selain dari ladang babi di Paya Mengkuang.

EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Datuk Tey Kok Kiew, berkata meskipun tindakan tegas sudah dilaksanakan terhadap 35 penternak ladang babi di kawasan itu, pencemaran Sungai Tuang masih berlaku.

Beliau tidak menolak punca pencemaran sungai berkenaan bukan disebabkan kumbahan najis dari ladang babi, tetapi disebabkan masalah lain.

"Sungai di hilir biasanya sudah tercemar disebabkan hasil pembuangan daripada aktiviti sekitar seperti ladang lain, kediaman, kilang atau jalan yang dicuci.

"Sungai ini (Tuang) tercemar dari hulu ke hilir. Bagi pelan jangka

masa pendek, kita sudah mengawal air kumbahan keluar dari ladang (babi) pada tahap minimum.

"Bagi jangka masa panjang, kita mahu penternak mengikut kaedah teknologi moden secara berperingkat, dengan penambahbaikan bangunan dan sistem kumbahan ter-

tutup," katanya ketika kepada BH.

Kok Kiew yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bandar Hilir meminta penduduk sekitar bersabar sedikit masa lagi, apabila kajian yang akan dijalankan oleh Jabatan Veterinar mengenai kua-

liti air Sungai Tuang, akan menyelesaikan masalah pencemaran itu.

Beliau mendakwa, artikel yang dikeluarkan media berhubung kenyataannya menafikan Sungai Tuang di sini, tercemar berpunca dari air kumbahan babi, ketika menjawab soalan Datuk Nor Azman Hassan (BN-Pantai Kundur) pada hari terakhir Sidang Dewan Undangan Negeri Ke-14 di Kompleks Seri Negeri, Julai lalu, adalah salah.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Zamzuri Ariffin, berkata pihaknya tidak pernah mengeluarkan permit bagi bangunan yang melaksanakan operasi ladang ternakan haiwan itu.

"MPAG tidak pernah mengeluarkan apa-apa lesen atau permit untuk bangunan yang dibina.

"Maklumat daripada Jabatan Pelesenan Veterinar Ayer Keroh memaklumkan, sebanyak 35 ladang sudah dilesenkan mengikut syarat jabatan berkenaan," katanya.



Sungai ini tercemar dari hulu ke hilir. Bagi pelan jangka pendek, kita sudah kawal air kumbahan keluar dari ladang (babi).

Tey Kok Kiew, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Melaka



Keratan akhbar BH pada 23 November 2016.